

Soalan : Tuliskan pengalaman anda semasa cuti sekolah baru-baru ini.

kenangan	terpaksa	restoran	riuh rendah
belajar	kepenatan	cuti sekolah	bergambar
mendaftar	meluangkan	mandi	bermain air
menaiki kereta	sedih	membeli tiket	berjaya

Pada _____ yang lalu, saya telah pergi ke Legoland. Legoland terletak di Johor. Saya pergi ke sana bersama keluarga saya dengan _____.

Ketika sampai di Legoland, keadaan di situ _____. Banyak orang sedang berbaris untuk _____ di kaunter. Kami bergambar untuk menjadi _____ di pintu masuk Legoland.

Kami memulakan aktiviti dengan pergi ke Legoland Waterpark. Saya dan adik saya _____ di kolam. Kami _____ masa selama tiga jam. Selepas itu kami makan tengah hari di sebuah _____ yang terdapat di Legoland.

Selepas itu kami ke 'Lego Mindstorm'. Kami _____ tentang robotik. Saya dan adik saya _____ membuat robot menggunakan bahan yang disediakan.

Apabila menjelang waktu senja, kami _____ masuk ke Hotel Legoland. Bilik Hotel Legoland amat besar, luas dan cantik. Selepas mandi kami terus tidur kerana _____.

Selepas bangun pagi, kami _____ dan bersarapan pagi. Kami mendaftar keluar dari Hotel Legoland. Kami _____ di hadapan Hotel Legoland.

Kami bertolak balik dari Legoland. Kami berasa _____
kerana _____ meninggalkan Legoland tetapi
gembira dapat pergi ke Legoland.